

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN
DEWAN RAKYAT MESYUARAT KEDUA,
PENGAL KETIGA, PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : BERTULIS

**DARIPADA : YB DATUK WIRA DR. MOHD HATTA BIN
MD. RAMLI [LUMUT]**

SOALAN

Minta **MENTERI PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI** menyatakan peranan agensi PROTÉGÉ dalam usaha mewujudkan peluang pekerjaan khususnya kepada para graduan pasca COVID-19.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Program Professional Training and Education for Growing Entrepreneurs (PROTÉGÉ) pada asalnya adalah merupakan Program Skim Latihan 1Malaysia (SL1M) di bawah seliaan Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri yang telah ditambahbaik dan dijenamakan semula, serta dipertanggungjawabkan dibawah Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi pada November 2019.

2. Objektif utama program PROTÉGÉ adalah:-

- i. meningkatkan potensi kebolehpasaran graduan bagi mendapatkan peluang pekerjaan; dan
- ii. memupuk kemahiran keusahawanan supaya bidang perniagaan turut menjadi pilihan kerjaya dalam kalangan graduan.

3. Di bawah program PROTÉGÉ, Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi telah melaksana inisiatif latihan penempatan pekerjaan dengan kerjasama Syarikat Berkaitan Kerajaan (GLC), syarikat-syarikat penerima perolehan Kerajaan di bawah arahan Pekeliling Perbendaharaan Perolehan Kerajaan (PP/PK1.2) dan syarikat-syarikat swasta. Seramai 5,061 graduan telah menerima manfaat daripada inisiatif ini.

4. Pada tahun 2020, Kementerian menyasarkan 3,000 graduan mendapatkan mendapat manfaat daripada inisiatif ini. Sehingga 31 Julai 2020, seramai 1,075 graduan sedang menjalani latihan di 132 buah syarikat melibatkan GLC dan pihak industri.

5. Kementerian juga turut bekerjasama dengan 120 Institusi Kewangan melalui Bank Negara Malaysia dan Financial Collective Outreach (FINCO) bagi menempatkan lebih ramai graduan. Sekian, terima kasih.